

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pengkomersialan produk digiatan	Utusan Malaysia
2	Produk IKS berpotensi dicari	Sinar Harian
3	Perpustam, MOSTI proaktif semarak budaya membaca	Melaka Hari Ini
4	Pengeluar produk digalak mohon dana Inovasi Sosial MOSTI	Bernama.com
5	MOSTI sasar komersilkan sekurang-kurangnya 15 peratus produk penyelidikan setahun	Bernama.com
6	Sistem pertahanan siber negara lemah	Berita Harian
7	Calon BN, PKR mengundi pada awal pagi	Bernama.com
8	Gempa bumi kuat landa Pulau Solomon	Bernama.com
9	ITEX tampil 1,000 rekaan	Berita Harian
10	Programme that takes you further	The Star
11	PRK P.Pauh: Cuaca diramal mendung pada sebelah pagi hari pengundian	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)

Pengkomersialan produk digiatkan

MELAKA 7 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memperkenalkan program Inovasi Sosial sebagai usaha mempergiatkan pengkomersialan produk-produk inovasi di peringkat akar umbi.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan di bawah program berkenaan bagi meningkatkan kadar pengkomersialan negara.

Menurutnya, sehingga kini kadar pengkomersialan hanya mencatatkan lapan hingga sembilan peratus dan menerusi inisiatif tersebut dapat meningkatkan kadar Komersial Negara dengan sasaran 15 peratus menjelang 2020.

"Dana ini diberikan secara geran kepada pemohon yang mahu mengkomersialkan produk inovasi iaitu jumlah maksimum sebanyak

RM100,000 dan boleh dimohon mulai sekarang.

"Kita berharap dengan adanya dana berkenaan dapat meningkatkan jumlah produk inovasi yang dikomersialkan terutamanya dalam industri kecil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis penutup Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Md. Rashid Hussin.

Abu Bakar berkata, program Inovasi Sosial yang dilancarkan sejak minggu lepas itu terbuka kepada semua peringkat dan mampu menampilkan kreativiti produk yang mempunyai inovasi.

Katanya, idea bagi Inovasi Sosial itu adalah rentetan daripada program Jejak Inovasi yang diperluaskan dengan menjelajah ke kampung-kampung untuk mencari produk yang boleh diketengahkan.

"Daripada Jejak Inovasi itu kita dapat lebih 100,000 produk dicipta dan tidak mahu produk-produk ini dibazirkan begitu sahaja.

"Kita mahu cungkil sesuatu produk itu daripada akar umbi dan dibawa ke kementerian untuk dibantu menjadi hasil inovasi yang boleh dikomersialkan, sekali gus memberi sumber pendapatan kepada mereka yang menciptanya," katanya.

Program Perkampungan Sains selama tiga hari di Planetarium Melaka itu disertai 40 guru, 60 pelajar dan 25 murid prasekolah.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (belakang, baju putih) bergambar kenangan bersama para pelajar sekolah yang mengambil bahagian dalam Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka, Ayer Keroh, semalam. - UTUSAN/NURSURYA ZULKIFLI

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NATIONAL) : MUKA SURAT 49
TARIKH : 8 MEI 2015 (JUMAAT)

Produk IKS berpotensi dicari

AYERKEROH-Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) kini sedang mengenal pasti mana-mana produk inovasi berasaskan industri kecil untuk dikomersialkan.

Ini merupakan langkah diambil menerusi satu program baru dilancarkan, dinamakan Inovasi Sosial.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Dr Abu Bakar Mohammad Diah berkata, program berkenaan menyasarkan produk akar umbi yang dihasilkan individu ataupun pertubuhan bukan kerajaan.

Untuk tujuan itu, katanya, Mosti diberikan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menjayakan program ber-

kenaan yang akan diberikan dalam bentuk geran sebanyak RM100,000 bagi setiap produk terpilih.

"Mereka yang berminat boleh melakukan permohonan sekarang dan lebih kepada untuk membantu industri kecil yang ada inovasi tetapi mereka tiada duit untuk mengkomersialkan produk mereka.

"Contohnya, mereka mungkin tidak mampu hendak melakukan pembungkusan yang baik, jadi kita mengadakan dana ini dengan harapan dapat meningkatkan kadar pengkomersialan negara," katanya.

Menurutnya, kementeri-

an merasakan produk inovasi akar umbi mampu pergi jauh dan kerana itu pihaknya cuba meluluskan secepat mungkin bagi membolehkan lebih banyak produk inovasi dapat dikomersialkan.

"Produk berkenaan tidak perlu banyak tetapi ia lebih kepada kreativiti dan kita sedang mencari sesiapa yang layak bagi menambah kadar komersial negara menjelang tahun 2020," katanya selepas merasmikan penutupan Perkampungan Sains Melaka di Planetarium Melaka di sini, semalam.

Turut sama, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur.

Perpustam, Mosti proaktif semarak budaya membaca

Oleh MUHAMMAD ZAIDEE DAUT

KLEBANG 7 Mei - Lebih 200 penduduk menyertai Program Karnival Sains, Teknologi dan Inovasi anjuran bersama Perpustakaan Desa 1Malaysia Klebang dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) di Perpustakaan Desa 1Malaysia Klebang, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis yang julung kali diadakan di Perpustakaan Desa 1Malaysia Klebang itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Klebang, Datuk Lim Ban Hong yang mewakili Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.**

Program yang diadakan itu bertujuan untuk memberi pelbagai ilmu dan mencungkil bakat-bakat baru dalam seni reka cipta di samping mempromosikan perpustakaan serta menarik minat orang ramai dalam program dan aktiviti yang berkaitan pembacaan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha yang dijalankan oleh agensi kerajaan seperti Perpustam dalam pembentukan budaya ilmu melalui pembacaan agar rakyat mempunyai minat yang tinggi dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti.

Katanya, ini adalah bagi menyahut cabaran dan menyokong matla-



Sebahagian kanak-kanak menggunakan kemudahan komputer di bas multimedia

mat Wawasan 2020 iaitu untuk melahirkan masyarakat yang kaya ilmu dan maklumat berasaskan budaya sains, teknologi dan inovasi.

"Gabungan program galakan membaca sains, teknologi dan inovasi di kawasan desa ini dilihat bukan sahaja dapat menarik minat masyarakat untuk datang ke perpustakaan, malah dapat mencetus minat masyarakat desa terhadap bidang sains dan teknologi.

"Program yang berkonsepkan turun padang ini dijalankan dengan pengisian bahan, pameran interaktif, demonstrasi serta pelbagai lagi aktiviti yang dapat memberi pendedahan kepada masyarakat terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar," katanya.

Beliau berharap ibu bapa supaya

dapat memainkan peranan mereka sebagai ketua keluarga dengan sentiasa membina amalan budaya membaca di samping mendidik anak-anak untuk turut meminati bidang sains, teknologi dan inovasi.

Pada program itu, beberapa aktiviti turut diadakan seperti pertandingan mewarna, pertandingan membuat kraf tangan dari bahan terbuang, pertandingan bercerita, pameran sains, teknologi dan inovasi dari Mosti serta kuiz Jejak Maklumat.

Hadir sama pada majlis itu Pengerusi Perpustam, Datuk Amirudin Yusof, Pengarah Perpustam, Mohamed Aizamuddy Mohamed Idris, Penghulu DUN Klebang, Ismail Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perpustakaan Desa 1Malaysia Klebang, Rosni Sahab.



Pengeluar Produk Digalak Mohon Dana Inovasi Sosial MOSTI

MELAKA, 7 Mei (Bernama) -- Pengeluar produk inovasi di negara ini digalak memohon dana di bawah program Inovasi Sosial di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi membantu mereka mempromosi produk terutamanya yang mempunyai kepentingan sosial kepada masyarakat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata peruntukan maksimum bagi setiap pengeluar produk di bawah program itu ialah RM100,000 dan antaranya disasarkan kepada pengusaha industri kecil yang tidak mampu mengkomersialkan produk mereka.

Beliau berkata pengeluar produk yang berminat boleh terus menghubungi MOSTI atau melayari laman web kementerian itu di www.mosti.gov.my bagi makluman lanjut.

"Program ini memainkan peranan penting untuk meningkatkan kadar pengkomersialan produk lebih-lebih lagi produk inovasi dari peringkat akar umbi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Perkampungan Sains Melaka 2015 disertai 200 pelajar sekolah di sini hari ini.

Program Inovasi Sosial MOSTI yang memperuntukkan dana RM20 juta dilancarkan pada 16 April lepas oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Abu Bakar berkata pihaknya akan mengadakan perjumpaan bersama persatuan sains dan badan bukan kerajaan terlibat bagi mempromosikan program ini sehingga ke peringkat akar umbi.

"Kami mahu mereka cangkil produk inovasi dan bawa kepada kami dan kami akan bantu. Ia sekali gus boleh menjadi sumber pendapatan kepada penciptanya," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata pihaknya akan melancarkan program baharu iaitu Inovasi Bazaar bertujuan memperkenalkan dan mengkomersialkan produk inovasi baharu di negara ini.

Beliau berkata bazaar tersebut akan dibuka dua bulan sekali bagi memberi peluang orang ramai melihat produk inovasi baharu serta meningkatkan lagi kadar pengkomersialan produk inovasi negara.

-- BERNAMA



MOSTI Sasar Komersilkan Sekurang-kurangnya 15 Peratus Produk Penyelidikan Setahun

NILAI, 7 Mei (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) menyasarkan untuk mengkomersilkan sekurang-kurangnya 15 peratus produk penyelidikan setahun, bermula tahun hadapan.

[Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata buat masa ini hanya lapan hingga sembilan peratus daripada 360 produk penyelidikan yang dikomersilkan setahun.

"Sasaran ini perlu dicapai bagi memastikan kesemua produk hasil penyelidikan dapat dikomersilkan menjelang tahun 2020.

Sehubungan itu, saya akan membawa cadangan supaya para penyelidik ini menumpukan perhatian kepada aspek pengkomersilan produk yang mereka hasilkan, kepada pihak kementerian tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Pelancaran lapan Steinbeis Transfer Centre Network (STCN) di Inno Biologics Sdn Bhd di sini hari ini.

Turut hadir Presiden Inno Biologics Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia Mark Rozario dan Pengarah Eksekutif Steinbeis Foundation Malaysia (SFM) Dr Abdul Reezal Abdul Latif.

Abu Bakar berkata beliau juga akan menggalakkan para penyelidik ini untuk mengguna dan mengamalkan produk yang mereka hasilkan bagi memberi keyakinan kepada orang awam bahawa kualiti produk mereka bagus.

"Masalahnya ada segelintir penyelidik ini, mereka enggan untuk menggunakan produk yang mereka hasilkan.

Jadi, kalau mereka pun tak pakai, macam mana orang di luar sana hendak yakin dengan produk yang mereka hasilkan?" katanya.

Sementara itu, Abdul Reezal berkata STCN berfungsi sebagai platform untuk memudahkan kerjasama di antara pihak universiti, institut penyelidikan dan pemain industri, yang akan berkongsi kepakaran dan pengetahuan.

Beliau berkata setakat ini ada 66 STCN di seluruh negara, antaranya di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia.

Abdul Reezal berkata pelancaran STCN di Inno Biologics akan memfokuskan kepada penyelidikan berasaskan Pengilangan Kontrak, Kawalan Kualiti, Sains Protein, Kejuruteraan Fasiliti, Sel Stem dan Pendaftaran dan Pensijilan Produk Bio.

Dalam majlis yang sama, Abu Bakar turut menyaksikan pemeteraian perjanjian di antara SFM, Inno Biologics dan Universiti Sains Malaysia. SFM turut menandatangani perjanjian dengan dan Inno Biologics dan Tenaga Jati Bumi.

-- BERNAMA

Sistem pertahanan siber negara lemah

» **Makmal forensik di CyberSecurity, polis perlu dipertingkatkan tepis serangan**

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengakui sistem pertahanan siber negara, khususnya dalam agensi kerajaan dan swasta, lemah serta kurang efektif.

Pengerusinya, Datuk Dr Halim Shafie, berkata kelemahan sistem itu memudahkan penggodam melakukan serangan terhadap ruang siber Malaysia secara berselindung

dan sukar dikesan.

Antara kelemahan utama dikesan ialah pengurusan kod kitar semula, penggunaan perisian pihak ketiga dan banyak perkara asas keselamatan siber.

Berikutan itu, beliau mencadangkan Malaysia membangunkan sistem pertahanan sibernya sendiri untuk menangani serangan pengintip siber dan melindungi maklumat negara.

"Untuk itu, institusi seperti MIMOS Berhad perlu lebih agresif dalam penyelidikan mereka dalam bidang berkenaan.

"Saya juga berpendapat makmal forensik siber seperti di CyberSecurity Malaysia, SKMM dan agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipertingkatkan untuk menangkis serangan siber ini," katanya kepada BH.

MIMOS adalah pusat penyelidikan dan pembangunan kebangsaan dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat.

Beliau mengulas laporan BH mengenai serangan atau cubaan melakukan serangan terhadap ruang siber Malaysia hampir setiap hari oleh penggodam antarabangsa.

Susulan laporan itu, seorang penggodam profesional mendedahkan keupayaannya menggodam pelayan agensi kerajaan dan swasta di negara ini dalam tempoh lima minit.

Cabaran besar SKMM

Halim berkata, kelemahan sistem pertahanan siber menjadi cabaran paling besar bagi SKMM ketika ini.

"Apa yang perlu dipertingkatkan buat masa ini adalah pelaksanaan sistem keselamatan yang lebih efektif oleh semua pihak, serta tahap keprihatinan pengguna terhadap amalan keselamatan siber yang baik.

"Pendedahan BH mengenai isu ini amat baik untuk menyedarkan pengguna internet supaya tidak mengabaikan keselamatan siber masing-masing.



Halim Shafie

"Dasar dan undang-undang keselamatan siber sedia ada boleh dilaksanakan secara berkesan dengan kerjasama semua pihak," katanya.

Halim memberi jaminan SKMM bersama dengan pembekal perkhidmatan komunikasi dan multimedia akan terus memastikan infrastruktur rangkaian negara berada dalam persekitaran yang boleh dipercayai.

"Ini penting untuk menjalankan urus niaga elektronik, termasuk perbankan dan pembayaran. Kita juga perlu memperkasakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 khusus dalam menangani isu keselamatan rangkaian," katanya.



Calon BN, PKR Mengundi Pada Awal Pagi



Calon Barisan Nasional Suhaimi Sabudin menemani ibunya Che Jan Ahmad ketika membuang undi

PERMATANG PAUH, 7 Mei (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) Suhaimi Sabudin dan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail antara yang awal keluar mengundi untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh di sini Khamis.

Suhaimi, 44, bersama ibunya Che Jan Ahmad, 70, mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Guar Perahu pada 8.10 pagi.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Suhaimi berkata situasi hari ini sangat berbeza kerana beliau mengundi sebagai calon berbanding sebelum ini sebagai pengundi biasa.



Calon PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika membuang undi

"Berbeza sikit kali ini, sebab saya mengundi diri sendiri. Saya memohon restu daripada semua untuk memberi peluang kepada saya melakar sejarah baharu di Permatang Pauh," katanya.

Dr Wan Azizah pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Seri Penanti pada 8.40 pagi.

Calon Parti Rakyat Malaysia, Azman Shah Othman dan Salleh Isahak (Bebas) tidak mengundi.

Proses pengundian awal membabitkan 627 pengundi diadakan Ahad lepas.

Sebanyak 25 pusat mengundi dengan 130 saluran dibuka mulai 8 pagi bagi membolehkan 71,252 pengundi melaksanakan tanggungjawab mereka.

Cuaca pagi ini adalah cerah dengan [Jabatan Meteorologi Pulau Pinang](#) meramalkan cuaca dijangka cerah pada sebelah petang.

"Secara keseluruhannya cuaca pada hari pengundian dijangka baik. Ketepatan sesuatu ramalan cuaca adalah 80 peratus," menurut jurucakap jabatan itu.

Memandangkan hari ini merupakan hari cuti peristiwa buat Pulau Pinang, dijangka lebih ramai pengundi akan menunaikan tanggungjawab mereka pada PRK ini.

PRK Parlimen Permatang Pauh menyaksikan pertandingan empat penjuru antara Suhaimi, Dr Wan Azizah, Azman Shah Othman (Parti Rakyat Malaysia) dan Salleh Isahak (Bebas).

PRK itu diadakan berikutan penyandanginya Datuk Seri Anwar Ibrahim hilang kelayakan sebagai wakil rakyat setelah disabitkan kesalahan liwat dan sedang menjalani hukuman penjara lima tahun.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Landa Pulau Solomon

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.9 pada skala Richter melanda Pulau Solomon pada pukul 3.10 petang tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berpusat di 180 km barat daya Arawa, Papua New Guinea dan 4,191 km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa bumi itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

ITEX tampil 1,000 rekaan

» Pameran dapat sambutan menggalakkan peserta luar negara

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) Ke-26 yang diadakan bermula 21 Mei ini menampilkan lebih 1,000 rekaan dari lebih 20 negara.

Pameran tiga hari yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu turut menyasarkan 15,000 pengunjung, berbanding tahun lalu yang mencatatkan 12,300 pengunjung.

Presiden dan Pengerusi Persatuan Rekabentuk dan Rekacipta Malaysia (MINDS), Tan Sri Prof Emeritus Dr Augustine Soon Hock Ong, berkata pameran berkenaan adalah satu pusat sehenti yang diadakan untuk menarik lebih ramai penyertaan di kalangan generasi muda selain golongan profesional.

"Penganjuran ITEX yang diadakan secara tahunan itu adalah sebagai platform kepada pereka untuk mengetengahkan rekaan dan inovasi mereka ke peringkat global, sekali gus mencari ruang untuk dikomersialkan.

"Saya bangga melihat perkembangan ITEX yang bermula dengan hanya 50 ciptaan, kini sudah mencapai kejayaan mem-



Soon Hock (kanan) bersama Lim selepas sidang media ITEX Ke-26 di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH)

banggakan apabila lebih 1,000 rekaan mampu diketengahkan dan ia adalah satu acara yang berbaloi," katanya pada sidang media mengenai ITEX Ke-26, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Presiden CIS Network Sdn Bhd (CIS), Datuk Vincent Lim. Pameran itu dianjurkan MINDS, manakala CIS bertindak sebagai pengurus acara.

Sementara itu, Lim berkata, pameran kali ini mendapat penyertaan menggalakkan daripada peserta luar negara dan

ia menjadi satu perkembangan positif bagi industri rekaan dan inovasi di negara ini.

"Ia sekali gus menyediakan peluang kepada pereka tempatan terutama daripada kalangan generasi muda untuk bertukar pendapat dan maklumat dengan pereka pada peringkat global.

Babit 91 penyertaan

"Pameran kali ini membabitkan penyertaan 91 pereka muda, berbanding hanya 70 penyertaan pada tahun lalu," katanya.

ITEX Ke-26 mengetengahkan

rekaan dan inovasi daripada 23 kategori termasuk automotif dan pengangkutan; bioteknologi, kesihatan dan kecerdasan; bangunan dan pembinaan, rekaan industri serta teknologi maklumat.

Serentak dengan penganjuran ITEX, turut diadakan Pameran Pereka Muda Malaysia (MYIE) dan Rekaan Pereka Muda Asia (AYIE) yang menyediakan platform kepada pereka muda berusia dari 20 tahun dan ke bawah untuk mempamerkan rekaan serta inovasi mereka.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
THE STAR (EDUCATION GUIDE) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 7 MEI 2015 (KHAMIS)

Programme that takes you further



IMU graduates often find success and fulfillment in most avenues they pursue.

INTERNATIONAL Medical University (IMU) graduates often find success and fulfillment in most avenues they pursue. The resultant value of their education is reflected in the wide range of jobs secured, quality of the graduate programmes pursued and in the rewarding careers that they build upon.

A shining example of the above is IMU Medical Biotechnology (MB) alumna Polly Yap Soo Xi, currently pursuing a PhD degree in Medical Microbiology at Universiti Malaya. She is working on multi-drug resistant Gram negative bacteria in stool using state-of-the-art biotechnology tools, such as metagenomics and metabolomics.

Yap joined the inaugural batch of the MB programme in 2008. She chose to do it at IMU because at the time, it was the only university offering the programme.

Yap said, "I miss field visits in every semester the most. Places we visited include KLCC Aquaria, Institute of Medical Research (IMR), **Jabatan Kimia Malaysia** and Ajinomoto Malaysia.

"Field visits not only enabled us to learn and be exposed to biotechnology applications outside the textbook, but also strengthened the bond between my coursemates and the lecturers."

Having been enriched by the research culture in IMU while working under the excellent tutelage of her final year research project supervisors,

Prof Chu Wan Loy and Dr Kok Yih Yih, she discovered a yearning for the health sciences. She pursued her Master's Degree in Medical and Health Sciences (By Research) at IMU upon completing her undergraduate degree.

Another graduate of the same cohort, Amelia Nathania Dong Hui Min is currently pursuing her PhD in pharmacology research at Monash University Malaysia.

Dong said, "Medical biotechnology is a biotechnology course but it focuses more on medical-related areas. In 2008, IMU was the only university offering this course. Basically,

you can't ask more from this course. It covers everything from basic chemistry to forensic science, not forgetting all the hands-on experience during the practical classes. There is no doubt that studying Medical Biotechnology in IMU has helped me to build a solid foundation in what I am doing now."

At IMU, the curriculum of its medical biotechnology degree is developed to meet international standards and accepted by renowned international partner universities (University of Newcastle, Australia or University of Strathclyde in the United Kingdom) for credit transfer into relevant programmes.

IMU is also the first Malaysian university that provides a complete and specialised undergraduate training in Medical Biotechnology.

Graduates of these degrees can undertake postgraduate degrees in any related disciplines. The Medical Biotechnology programme in IMU exposes graduates to industrial attachments locally or abroad, giving them the opportunity to gain valuable industrial experience and the required skills to be immediately ready for employment. This would also give a distinct and added advantage in their career.

The next commencement date for the programme is in August. If you have pre-university qualifications and an interest in Medical Biotechnology, apply online now and join the university in your pursuit of a promising and rewarding career.

If you have just completed your SPM and do not have pre-university qualifications, consider enrolling in the one-year IMU Foundation in Science (FIS), the preferred foundation and direct route for entry into any of the university's local degree programmes. The next intake for Foundation in Science is this month (May).

■ For details, visit www.imu.edu.my or e-mail start@imu.edu.my or call IMU at 03-2731 7272.



PRK P.Pauh: Cuaca Diramal Mendung Pada Sebelah Pagi Hari Pengundian

BUTTERWORTH, 6 Mei (Bernama) -- Cuaca diramalkan mendung pada sebelah pagi semasa hari pengundian pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh, esok, kata jurucakap [Jabatan Meteorologi Pulau Pinang.](#)

Katanya ini berikutan hujan yang diramal di kawasan pesisir pantai di negeri ini. Bagaimanapun, cuaca dijangka cerah pada sebelah petang.

"Secara keseluruhannya cuaca esok dijangka baik. Ketepatan sesuatu ramalan cuaca adalah 80 peratus," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

PRK Permatang Pauh menyaksikan pertandingan empat penjuru antara Suhaimi Sabudin (Barisan Nasional), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR), Azman Shah Othman (Parti Rakyat Malaysia) dan Salleh Isahak (Bebas).

Ia diadakan berikutan keputusan Lembaga Pengampunan menolak petisyen pengampunan diraja yang dipohon anggota Parlimen kawasan itu Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui anggota keluarganya, sekali gus menyebabkan beliau hilang kelayakan sebagai wakil rakyat.

Sejumlah 71,252 pengundi biasa akan menunaikan tanggungjawab mereka esok.

-- BERNAMA